

Suburkan minat murid terhadap STEM

UMS jayakan program komuniti pembudayaan STEM di SK Bahagia, Tawau



JAMILAH
18.11.2019 15

PROGRAM komuniti pembudayaan Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Bahagia, Tawau pada 4 hingga 8 November lalu.

Seramai 31 murid Tahun 5 di sekolah itu mengambil bahagian dalam program itu sebagai salah satu usaha dan pendekatan ke arah menyuburkan minat dan amalan pembelajaran STEM dalam kalangan murid sekolah rendah.


Selari dengan aspirasi negara untuk mentransformasikan bangsa Malaysia daripada bangsa pengguna kepada bangsa pencipta, program itu bertujuan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah, pemikiran sains keusahawanan, kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid sekolah rendah melalui aktiviti penciptaan berasaskan STEM.

Penganjuran program itu merupakan satu kolaborasi komuniti antara Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan SK Bahagia, Tawau.

Pihak UMS diwakili oleh Prof. Madya Dr. Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah yang juga pensyarah kanan UMS, manakala pelaksana program ialah Jamilah Ahmad yang juga pelajar Pascasiswazah Program Ijazah Doktor Falsafah UMS.

Hari pertama program, aktiviti dimulakan dengan sesi penerangan oleh Jamilah yang memberi pendedahan tentang objektif program, prosedur pelaksanaan dan misi-misi yang perlu dijalankan oleh murid-murid sebagai peserta program berkenaan.

Semua peserta (murid) dibahagikan kepada enam kumpulan dan mereka turut diajar cara-cara menulis idea dalam setiap fasa penghasilan prototaip dalam peta



BENTANG: Salah satu kumpulan peserta membentangkan prototaip yang telah dihasilkan melalui perbincangan, sekali gus melatih kebolehan berkomunikasi dan pemikiran kreatif.

pemikiran roda.

Pada hari kedua hingga keempat, murid-murid melaksanakan enam aktiviti yang melibatkan penciptaan prototaip rumah, kereta, lampu, bekas makanan, kaca mata dan televisyen masa hadapan.

Dalam Misi 1 pelaksanaan aktiviti, murid-murid didedahkan dengan isu-isu kemasyarakatan yang menuntut murid-murid berhujah dan melontarkan pendapat mereka berhubung isu yang diutarakan.

Antara isu yang terlibat adalah isu banjir dan kebakaran yang sering berlaku di daerah Tawau, isu bekalan elektrik terputus yang sering berlaku di Tawau, isu pemanasan global, timbunan plastik yang tidak terkawal dan bekalan sumber bahan api yang semakin berkurangan.

Para peserta kemudiannya diminta berbincang dan mencari kaedah bagaimana menyelesaikan isu-isu berkenaan melalui penciptaan prototaip masa hadapan.

Murid-murid dibimbing dalam menjawab soalan-soalan dalam Misi 1 menggunakan peta pemikiran roda sehinggalah terhasilnya prototaip yang diperlukan.

Murid juga dikehendaki menghasilkan prototaip bagi kegunaan masyarakat masa hadapan dengan menggunakan bahan-bahan kitar semula seperti kertas, kotak, botol plastik dan sebagainya.

Dalam Misi 2, murid diminta membentangkan prototaip dan lakaran di hadapan panel penilai. Misi ini mendapat perhatian yang paling hangat kerana murid-murid daripada kumpulan lain berpeluang bertanyakan soalan tentang prototaip yang dihasilkan oleh kawan-kawan mereka.

Melalui temubual yang dijalankan bersama beberapa orang murid, mereka meluahkan rasa gembira dan teruja semasa melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam program STEM, selain rasa bertuah kerana berpeluang menimba pelbagai ilmu

diutarakan.

Ada juga murid yang pada awalnya merasakan bahawa mereka gementar dan tidak mampu menghasilkan prototaip yang dikehendaki.

Namun, setelah melalui fasa-fasa dalam penghasilan prototaip, mereka akhirnya berjaya menghasilkan prototaip yang dibincangkan.

Mereka mengharapkan agar program-program ilmu seperti itu tidak terhenti di situ, malah dikembangkan dan diteruskan kepada murid-murid yang lain, agar akhirnya nanti semua murid dapat melalui pengalaman hebat yang sama seperti yang mereka alami.

Tambahan lagi, program seumpama itu membolehkan



KALIS: Prototaip rumah yang kalis api dan boleh terapung ketika banjir, diilhamkan oleh salah satu kumpulan peserta berasaskan STEM.


pengetahuan baharu.

Mereka berpendapat bahawa aktiviti seumpamanya dapat membantu mereka untuk berfikir lebih kritis dan kreatif, serta mencabar minda untuk memikirkan dan mengjangkau keperluan masyarakat pada masa hadapan.

Hal ini kerana mereka perlu menjana idea baharu yang dapat menyelesaikan isu kemasyarakatan yang

murid mendapat pendedahan sewajarnya, selain memupuk minat mereka untuk terus mendalami subjek berkaitan STEM.

Pendidikan STEM bukan saja menarik minat murid untuk meminati bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik semata-mata, malah berupaya membina keyakinan diri khasnya dalam kalangan setiap individu murid.



REKAAN: Pelbagai prototaip rekaan masa hadapan yang direka cipta oleh para peserta program komuniti pembudayaan STEM di SK Bahagia, Tawau.

Hal ini kerana mereka bukan saja perlu bijak mencipta atau membina prototaip, malah diwajibkan untuk menerangkan hasil penciptaan mereka di hadapan kawan-kawan dan panel penilai, sekali gus dapat menerapkan kemahiran berkomunikasi serta melatih diri untuk berani tampil dan berhujah di khalayak ramai.

Hari terakhir Program Pembudayaan STEM, majlis penutupan diadakan dengan acara penyampaian sijil dan cenderamata, di samping ucapan pihak pelaksana program dan juga ucapan Guru Besar SK Bahagia Ismail Banchir.

Bagi pihak UMS, Jamilah merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak sekolah atas kerjasama padu dan komitmen yang tinggi bagi memastikan program itu berlangsung dengan jayanya.

Sementara itu, Ismail dalam ucapannya

amat berterima kasih dan menghargai kesediaan pihak UMS yang telah memilih SK Bahagia bagi pelaksanaan program itu yang disifatkan amat baik dan bermanfaat, bukan sahaja kepada murid-murid terlibat, malah kepada pihak sekolah keseluruhannya.

Sempena majlis itu, semua peserta program juga turut diberikan cenderamata sebagai tanda penghargaan atas usaha dan komitmen mereka sepanjang program itu berlangsung. — Artikel sumbangan Salman Abadi



CENDERAMATA: Ismail Banchir (Guru Besar SK Bahagia) menyampaikan cenderamata kepada setiap peserta program.



PESERTA: Murid Tahun 5 SK Bahagia Tawau yang menyertai peserta program komuniti pembudayaan STEM anjuran pihak UMS bersama Jamilah (duduk).